

# Rangka strategi lindungi pekerja hadapi impak konflik Asia Barat



Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia

Oleh Prof Dr SR Subramaniam  
 bhrencana@bh.com.my

**Perang** di antara Amerika Syarikat (AS)-Israel dan Iran tidak menunjukkan tanda jelas akan berakhir dalam tempoh terdekat, walaupun ada pihak tertentu menyatakan perang 'hampir selesai'.

Apa yang lebih membimbangkan adalah kesan langsung perang ini ke atas negara lain melangkaui sempadan Asia Barat. Ketegangan di rantau itu mula memberi kesan langsung kepada ekonomi dunia.

Jika konflik berterusan, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka terjejas dan seterusnya memberi tekanan kepada pasaran kerja global.

Pasaran kerja global dijangka menerima kesan langsung susulan ketidakpastian dalam pasaran tenaga dunia khususnya minyak dan gas yang menjadi nadi penggerak hampir kesemua sektor ekonomi dunia.

Kebimbangan terhadap gangguan bekalan tenaga global melonjakkan kontrak hadapan minyak mentah utama sebanyak 30 peratus ke paras hampir AS\$120 setong beberapa hari lepas, iaitu paras tertinggi sejak 2022, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap inflasi global dan kelembapan ekonomi.

Beberapa negara sudah pun merasai kesan langsung daripada kekurangan sumber tenaga minyak dan gas serta mula melaksanakan langkah keceemasan dan penjimatan.

Beberapa industri utama seperti pengangkutan, logistik dan pelancongan antarabangsa menerima kesan langsung paling ketara. Pembatalan penerbangan dalam jumlah besar dan secara mendadak ke Negara Teluk atas sebab keselamatan mengakibatkan kerugian besar kepada syarikat penerbangan.

Kenaikan harga minyak memaksa syarikat penerbangan menaikkan harga tiket penerbangan yang boleh menyebabkan penurunan permintaan perjalanan. Saham beberapa syarikat penerbangan utama dunia dilaporkan mengalami kejatuhan mendadak dalam tempoh masa singkat.

Peperangan ini turut menjejaskan operasi hab penerbangan antarabangsa di rantau Teluk seperti Doha, Abu Dhabi dan Dubai yang menjadi titik transit utama menghubungkan Eropah, Asia, Afrika dan Australia.

Beribu pekerja asing terutama dari Asia Selatan dan Asia Tenggara bekerja di hab terbabit. Risiko pemberhentian pekerja dalam kadar tinggi boleh berlaku sekiranya industri penerbangan dan industri berkaitan dengannya terus berhadapan dengan situasi seperti sekarang.

Industri pelancongan antarabangsa turut menerima kesan rantaian akibat industri penerbangan terjejas. Pembatalan penerbangan dan tempahan penginapan di hotel di rantau terjejas menyebabkan kerugian besar kepada industri pelancongan.

Operasi hotel, restoran, pusat peranginan dan gedung membeli-belah mungkin terpaksa dikecilkan atau ditutup sementara waktu sehingga keadaan kembali pulih.

Industri pelancongan di rantau lain turut menerima kesan ekoran daripada gangguan perjalanan dan kos semakin meningkat. Pekerja di sektor ini turut berhadapan dengan risiko diberhentikan kerja. Industri pengangkutan lain terutama perkapalan juga menerima kesan langsung daripada penutupan Selat Hormuz.

Sekiranya konflik berterusan, syarikat perkapalan

terpaksa menggunakan laluan alternatif lebih jauh bagi melindungi keselamatan aset dan pekerja. Laluan lebih jauh sudah tentu meningkatkan kos bahan api serta kos logistik. Lonjakan premium insurans perang juga turut menyumbang kepada kenaikan mendadak kos pengangkutan.

Media sebelum ini melaporkan kira-kira 200 kapal termasuk kapal tangki minyak dan gas asli cecair (LNG) serta kapal kargo masih berlabuh di perairan terbuka untuk memasuki laluan Selat Hormuz. Pekerja dalam industri ini terdedah kepada risiko diberhentikan kerja apabila syarikat perkapalan tidak lagi mampu menanggung kerugian.

## Jejas pengguna di peibagai rangkaian

Selain itu, konflik Asia Barat turut menjejaskan rantaian bekalan global untuk kegunaan industri dan pengguna akhir. Laluan perdagangan penting dunia seperti Terusan Suez dan Laut Merah berada berhampiran kawasan konflik berkenaan.

Dianggarkan sekitar 10 hingga 12 peratus perdagangan global melalui laluan ini setiap tahun. Sekiranya konflik menyebabkan gangguan terhadap laluan perdagangan itu, penghantaran barangan

akan menjadi lebih mahal dan mengambil masa lebih lama, seterusnya menjejaskan operasi industri berkaitan.

Apabila kos logistik meningkat, harga barangan global akan meningkat dan memberi kesan kepada permintaan pengguna. Apabila permintaan global menjadi perlahan, sektor perindustrian di banyak negara akan turut terjejas.

Negara yang sangat bergantung kepada perdagangan antarabangsa seperti China, Korea Selatan, Jepun dan negara Asia Tenggara biasanya lebih terdedah kepada kesan ini. Dalam situasi ekonomi global perlahan, syarikat mungkin menengguhkan pengembangan operasi dan seterusnya mengurangkan tenaga kerja.

Kenaikan harga minyak akan menyumbang kenaikan kos pengeluaran dalam sektor pembuatan. Dalam keadaan ini, banyak syarikat terpaksa mengurangkan kos operasi bagi mengekalkan keuntungan. Antara langkah sering diambil ialah mengurangkan saiz operasi syarikat yang boleh membawa kepada pengurangan tenaga kerja.

Perkembangan ini menunjukkan pasaran kerja global sangat sensitif terhadap ketidakpastian geopolitik dan kejutan harga tenaga. Walaupun Malaysia belum menerima impak langsung secara ketara, namun sebagai negara ekonomi terbuka, tetap terdedah melalui saluran perdagangan, pelaburan dan harga tenaga global.

Kelebihan dimiliki negara selaku pengeksport minyak bersih boleh membantu melindungi ekonomi dalam jangka masa pendek, namun dalam jangka masa panjang terdedah kepada krisis kenaikan harga tenaga kerana mengimport minyak untuk kegunaan domestik.

Dalam menghadapi situasi ini, antara langkah penting boleh diambil kerajaan adalah membuat satu analisis komprehensif impak konflik ke atas ekonomi dan pasaran kerja tempatan untuk jangka masa pendek dan panjang.

Seterusnya tumpuan harus diberikan untuk merangka strategi memperkukuh daya tahan ekonomi domestik serta mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi negara. Langkah penjimatan diumumkan baru-baru ini tepat pada masanya.

**“Konflik Asia Barat turut menjejaskan rantaian bekalan global untuk kegunaan industri dan pengguna akhir. Laluan perdagangan penting dunia seperti Terusan Suez dan Laut Merah berada berhampiran kawasan konflik berkenaan”**



Krisis di Asia Barat menyebabkan laluan perdagangan terjejas yang meningkatkan kos logistik yang memberi kesan kepada rantaian perdagangan global.

(Foto hiasan)